

Persisi sedia terima kembali PBS jika yuran dilunaskan

SAYA merujuk kepada kenyataan Haji Mohd Sadli Mohamed, Setiausaha Agung Kehormat, Persatuan Ba-
wean Singapura (PBS) (BH 28 April).

Haji Sadli tidak tepat dalam memetik Fasal 7.1 Perlembagaan Persisi sehingga tafsirannya jauh terpesong dari maksud sebenar.

Fasal itu adalah satu-satunya mengenai yuran. Ia melibatkan semua kerabat, baik yang baru mahupun yang lama, tiada pengecualiannya. Ia berbunyi: **PENCAR SILAT**

"Setelah diterima untuk menjadi kerabat persatuan, yuran tahunan bersekutu sebanyak \$30.00 hendaklah dibayar. **ISMAON ALI J.**

"Kerabat yang tidak menjelaskan yuran" bermakna sebarang kerabat, tidak kira yang baru atau yang lama.

"Dalam tempoh 3 bulan" bermakna dalam jangka masa 3 bulan setelah permohonan menjadi kerabat diluluskan, bagi anggota baru. Dan, bagi anggota lama, dalam jangka masa 3 bulan setelah tamat tempoh bayaran yuran terakhir, iaitu 28 Februari tahun berkenaan kerana itu adalah tarikh penutup Tahun Kewangan Persisi.

"Dengan sendirinya gugur akan keanggotaannya" bermakna tidak perlu Jawatankuasa Pentadbir (JKP) atau Mesyuarat Agung mengambil tindakan untuk menggugurkan keanggotaannya kerana "dengan sendirinya" bererti secara automatik.

Haji Sadli sepatutnya faham maksud Perlembagaan kerana beliau adalah Timbalan Presiden dalam JKP yang lalu.

Jika di kalangan 18 buah kerabat, 16 dapat menjelaskan yuran mereka, tidakkah menghairankan apabila dua buah kerabat tidak dapat berbuat demikian, sedangkan mereka kerabat lama. Mereka tidak membayar yuran 1988 dan 1989.

Saya fikir masa yang lebih dua tahun itu adalah cukup panjang bagi mereka mendapat peluang untuk

PBS ingin penjelasan Persisi

KAKI merujuk kepada kenyataan Ketua Mohamed Kaspari, Setiausaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi) (BH 21.4.90) bertitik mengagumkan sebab agensi bayaran yuran.

Persatuan Ba-wean Singapura (PBS) ingin penjelasan Ketua Mohamed Kaspari tentang Setiausaha Persisi mengenai Perlembagaan Persisi Fasal 7.1 mengenai kerabat Persisi, iaitu bersekutu sebanyak 100 hendaklah dibayar dalam tempoh tiga bulan. Kerabat yang tidak menjelaskan yuran dengan sendirinya gugur keanggotaannya.

PBS telah diterima me-

di kerabat Persisi dari main ditubuhkan pada 16.6.1978.

Selama menyebarkan bahawa itu itu telah berkhidmat dibarengkan baik melalui surat mahupun dalam mesyuarat. Kenyataan itu tidak benar, sebab tidak ada diumumkan dalam minit-minit mesyuarat, juga dalam surat rasmi kepada PBS tidak menyatakannya.

Kelua benar Ketua Mohamed Kaspari mahu bertanyakan Perlembagaan Persisi Fasal 7.1, beliau seharusnya tidak menubuhkan mesyuarat untuk menjelaskan yuran itu dalam tempoh tiga bulan dengan sendirinya gugur akan keanggotaannya.

Seyogianya diragukan bahawa PBS telah diterima sebagai kerabat Persisi

Sekiranya Persisi telah mengambil keputusan, Persisi hendaklah membolehkan agensi bayaran yuran kepada kerabat-kerabat yang belum menjelaskan yuran tahunan dalam laporan tahunan mesyuarat agung pada 2.4.90.

PBS ingin penjelasan berhubung dengan perlembagaan Persisi Fasal 7.1 mengenai kerabat Persisi, "setelah diterima" yuran tahunan bersekutu sebanyak 100 -- hendaklah dibayar. Kerabat yang tidak menjelaskan yuran itu dalam tempoh tiga bulan dengan sendirinya gugur akan keanggotaannya.

bert penjelasan perk setelah diterima." Mengikut tafsiran, tidak terdapat adalah perlembagaan baru menjadi kerabat Persisi. Berhubung kepada badan PBS dan Perlembagaan Persisi Fasal 7.1 mengenai kerabat Persisi, hendaklah di-

Haji Mohd Sadli Mohamed

membayar yuran.

Mengapakah wakil PBS dapat menyerahkan wang \$60 kepada Bendahari lama sejurus sebelum Mesyuarat Agung berlangsung pada 8 April 1990 itu? Pada hal, dia sepatutnya berbuat demikian awal-awal lagi dalam tempoh dua tahun menjadi wakil PBS dalam Persisi. Seyogianya diingat, beliau telah menjadi anggota JKP sejak tahun 1976.

Soalan kedua, mengapakah wang yuran itu diambil balik pada hari itu juga oleh wakil PBS tersebut tanpa berfikir panjang untuk kebaikan PBS dan Persisi.

Tidak tercatat di mana-mana pun dalam Perlembagaan yang mengatakan tugas Setiausaha atau Bendahari mengingatkan kerabat tentang pembayaran yuran. Peringatan telah diberi berkali-kali secara lisan dalam mesyuarat JKP.

Penolong Setiausaha Persisi telah menghantar surat pemberitahuan mengenai pembayaran yuran tersebut kepada semua kerabat pada 14 Mac 1989. Lagipun, setelah keputusan dibuat dalam mesyuarat JKP lalu bahawa yuran-yuran sebelumnya yang belum dijelaskan hendaklah diluputkan atau *write-off*, yuran tahun 88 dan 89 itu hendaklah dibayar secepat mungkin.

Wakil-wakil PBS telah diundang ke mesyuarat itu untuk mengikuti perjalanan mesyuarat tersebut.

Harapan saya PBS dapat hadir dan melunaskan yuran dan JKP baru akan memulihkan kedudukan mereka seba-

gai kerabat sebaik-baik sahaja Mesyuarat Agung selesai sebagaimana yang saya jelas dan tekankan dalam Mesyuarat Agung itu sendiri.

Malangnya, wang yuran yang telah diserahkan kepada Bendahari lama sebelum Mesyuarat Agung itu berlangsung telah diambil balik oleh wakil PBS.

Mengenai memasukkan "perkara kerabat tidak membayar yuran dalam Agenda Mesyuarat Agung," saya fikir ini akan membawa kesan yang lebih memalukan. Ini adalah urusan pentadbiran yang tidak perlu dan tidak wajar dimasukkan dalam agenda.

Mengenai perkara "Pengerusi tidak memberi peluang yang cukup untuk wakil-wakil PBS dan *Pertapis* memberikan hujahnya," ini tidak benar. Peluang bercakap telah diberikan. Namun, Pengerusi enggan memperpanjang masa dengan hujah yang berleleret. **12 MAY 1990**

Walau apapun yang berlaku, saya percaya JKP Persisi 1990-1992 tidak keberatan menerima kembali PBS selepas bayaran yuran bagi 1988, 1989 dan 1990 dilunaskan sejajar dengan keperluan perlembagaan.

Mohamed Kaspari Setiausaha Kehormat Persekutuan Silat Singapura (Persisi)

Nota: Ini adalah kalli terakhir kami menyilarkan surat-surat berhubung dengan perkara di atas. — Editor.